

SKIM ZAWAJ: PRODUK PERKHIDMATAN UNTUK PERKAHWINAN

Nurul Athirah Mohd Azmi & Sanep Ahmad
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membentuk satu produk kewangan untuk membantu mengurangkan beban kewangan kepada pasangan yang ingin berkahwin. Kajian ini penting rentetan daripada isu kekangan kewangan dan fenomena kahwin lewat dalam kalangan golongan muslim Malaysia. Produk akan dibentuk menggunakan metodologi *Guidelines on Introduction of New Products* sebagaimana ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Selain itu bagi memastikan produk berstatus patuh Syariah, kajian juga menggunakan kaedah istinbat hukum Syariah berdasarkan ilmu usul fiqh dan *qawa'id fihiyyah*. Hasil kajian menunjukkan satu produk baru Skim Zawaj boleh ditawarkan menggunakan kontrak ijarah disasarkan kepada bakal pengantin yang tidak mempunyai simpanan. Skim pembiayaan dinamakan *ijarah al-khadamat* yang menghendaki pihak bank berkolaborasi dengan *wedding planner* dalam menguruskan majlis resepsi perkahwinan sebagaimana dipohon oleh bakal pengantin. Pihak bank mengenakan upah atas sewa perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan sebagai pulangan pembiayaan. Implikasi penting kajian adalah Skim Zawaj dilihat sangat membantu dalam mengatasi masalah kos pinjaman, dijangka dapat menggalakkan golongan muda melaksanakan perkahwinan lebih awal dan secara tidak langsung dapat mengatasi masalah sosial akibat perkahwinan lewat.

Kata kunci: *Produk perkahwinan, Skim Zawaj, Ijarah al-Khadamat, Kahwin Lewat.*

ZAWAJ SCHEME: PRODUCTS SERVICES FOR MARRIAGE

ABSTRACT

This study attempts to develop a financial product to reduce financial budget for couples who want to get marry. This study is important for taking the issues of financial constraints and the phenomenon of late marriage among Muslims in Malaysia .The product will be developed based on the Guidelines on Introduction of New Products as specified by Bank Negara Malaysia .In addition to ensuring product Shariah compliant status ,the study used Istinbat method based on the knowledge of Shariah jurisprudence and qawa'id fihiyyah .The results showed that a new product can be offered Zawaj scheme using Ijarah contracts targeted at brides who do not have savings . Ijarah financing scheme called al – khadamat kolebrasi requiring the bank to manage the wedding planner in wedding reception as requested by brides. The bank charges a fee for the rental services offered to customers in return for funding. Important implication of the study is seen Zawaj scheme is helpful in overcoming the cost of borrowing, expected to encourage young people to perform marriage earlier and indirectly to the social problems due to late marriage

Keywords: Wedding Products, Zawaj scheme, Ijarah al-Khadamat, Late Marriage.

PENDAHULUAN

Zawaj yang dikenali juga sebagai perkahwinan merupakan salah satu ibadah khusus yang mulia di sisi Islam. Rasulullah s.a.w telah menyeru agar umatnya berkahwin sekiranya berkemampuan. Rasulullah s.a.w juga pernah bersabda: “Nikah itu sunnahku, barangsiapa yang tidak suka, bukan golonganku!” (HR. Ibnu Majah, dari Aisyah r.a). Terdapat banyak dalil di dalam al-Quran dan Hadis yang menceritakan perihal perkahwinan. Firman Allah s.w.t:

“Dan kahwinlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui.”

(Surah an-Nuur : 32)

Di samping itu, terdapat juga dalil yang menceritakan golongan-golongan yang akan ditolong oleh Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t:

“Ada tiga golongan manusia yang berhak Allah tolong mereka, iaitu seorang mujahid fi sabilillah, seorang hamba yang menebus dirinya supaya merdeka dan seorang yang menikah kerana ingin memelihara kehormatannya”.

(HR. Ahmad 2: 251, Nasaiy, Tirmidzi, Ibnu Majah hadits no. 2518, dan Hakim 2: 160)

Maka jelaslah bagi siapa sahaja yang berkahwin dengan niat menjaga kesucian dirinya, berhak mendapatkan pertolongan dari Allah berdasarkan penegasan Rasulullah dalam hadis ini. Oleh itu, seruan ini perlu disambut baik oleh umat Islam dan bukan menganggapnya sebagai satu perkara yang sukar. Islam tidak pernah membebankan umatnya dalam perbelanjaan bagi mendirikan rumah tangga, bahkan telah mempermudahkannya.

ISU DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Walau bagaimanapun, perkahwinan dilihat sebagai satu ibadah yang membebankan pada masa kini. Hal ini rentetan daripada *trend* pembelanjaan kahwin yang semakin tinggi sehingga berlakunya pelbagai kesan negatif kepada pasangan yang ingin berkahwin. Ramai di antara golongan muda berkahwin lewat kerana kekangan kewangan dan sesetengahnya pula berani membuat pinjaman yang melebihi kemampuan semata-mata untuk mendirikan perkahwinan.

Selain itu, ada juga yang membuat pinjaman daripada institusi yang tidak diiktiraf contohnya Ah Long. Fenomena ini juga boleh menyebabkan penurunan kadar kesuburan dalam kalangan pasangan yang berkahwin memandangkan puncak ‘kesuburan wanita’ adalah pada umur 25 tahun dan menurun secara berkadar selepas itu. Selain itu, fenomena kahwin lewat ini boleh menyumbang kepada gejala sosial seperti zina.

Sambutan perkahwinan juga dilihat semakin berubah dari segi corak perbelanjaan bagi mendirikan sesebuah perkahwinan dalam kalangan masyarakat. Amalan seperti majlis merisik, pemberian wang hantaran kepada keluarga pengantin perempuan dan pertukaran hadiah hantaran semasa majlis pertunangan dan perkahwinan (Iman Ahmad, 2010) telah menyebabkan perbelanjaan kahwin melebihi had yang diharuskan. Hal ini disebabkan wujudnya pegangan adat resam yang masih kuat diamalkan oleh masyarakat Melayu kita (Halimah Abdul Rahman, 2010).

Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk memperkenalkan satu produk kewangan baru yang dapat membantu dan meringankan beban pasangan yang ingin berkahwin khususnya bakal pengantin yang baru bekerja dan tidak mempunyai simpanan. Skim ini diharap dapat mengatasi masalah kahwin lewat,

gejala sosial, penurunan populasi, kekangan kewangan dan masalah hutang yang semakin berleluasa dalam golongan muda masa kini.

KAJIAN LEPAS

Ramai golongan muda yang menjadikan isu kekurangan kewangan sebagai alasan untuk lambat dalam 'mendirikan masjid'. Tambahan pula, masyarakat hari ini didedahkan dengan isu perbelanjaan perkahwinan yang tinggi. Hal ini bukan sahaja melibatkan elemen-elemen perbelanjaan wajib dan sunat, malah pelbagai bentuk perbelanjaan yang tiada asas dalam syarak telah dibelanjakan (Harlina Siraj, 2013). Pada kebiasaannya, belanja perkahwinan di Malaysia kini mencecah ribuan ringgit yang melibatkan pelbagai pemberian tidak wajib seperti belanja hangus, wang hantaran dan pemberian (Zainunnisaa Abdul Rahman, 2007).

Fenomena ini telah memberi pelbagai implikasi negatif kepada masyarakat. Pasangan yang akan berkahwin terpaksa menanggung bebanan perbelanjaan di luar kemampuan. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Koid Swee Lian, antara punca utama mereka yang terperangkap di dalam belenggu hutang adalah melibatkan pinjaman bagi menguruskan perbelanjaan perkahwinan. Faktor kos untuk persiapan perkahwinan, wang hantaran dan hadiah hantaran yang tinggi telah menyebabkan bakal pengantin terpaksa berhutang melalui pinjaman-pinjaman peribadi dan lain-lain bentuk pinjaman (AKPK, 2013).

Tambahan lagi kos untuk menyediakan hadiah hantaran juga memerlukan kepada belanja yang tinggi. Hal ini kerana pada kebiasaannya dulang hantaran bukan hanya dua atau tiga sahaja, malah ia terdiri daripada lima sehingga tiga belas dulang (Syed Mahadzir, 2009). Kaum muda yang baru bekerja khususnya akan mengalami masalah dalam urusan perkahwinan disebabkan belanja kahwin yang semakin tinggi. Penetapan kadar wang hantaran yang tinggi menyebabkan pengantin lelaki terpaksa berfikir beberapa kali sebelum memberi persetujuan untuk berkahwin dan mengambil masa yang lama bagi menyimpan wang sebelum boleh mendirikan rumah tangga (Haslina Hassan, 1995). Walau bagaimanapun, alasan untuk menangguhkan perkahwinan disebabkan faktor kewangan yang berpunca dari masalah belanja kahwin yang tinggi seperti mana trend sekarang tidak boleh diterima akal. Hal ini akan menyebabkan kaum belia semakin merasa kluatir untuk berkahwin pada usia muda (Fatimah Abdullah, 2009), sedangkan Rasulullah s.a.w amat menganjurkan kahwin pada usia yang muda (Al-Asqalani, 2001).

Di samping itu, terdapat ramai individu yang terjebak dengan hutang Ah Long. Ketua Biro Pengaduan Awam MCA, Datuk Seri Michael Chong berkata, sama ada percaya atau tidak, jumlah hutang Ah Long yang dilaporkan kepadanya membabitkan nilai sebanyak RM22,782,774 dari awal tahun hingga 8 Julai 2013. Terbaru, akhbar Kosmo turut melaporkan terdapat beberapa pengakuan oleh pasangan yang baru berkahwin di mana mereka terpaksa membuat pinjaman

bank sehingga menjangkau puluhan ribu ringgit (Kosmo, 2013). AKPK menyarankan agar orang awam membuat pinjaman kewangan daripada institusi kewangan sah yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Langkah itu penting kerana institusi kewangan menawarkan kadar faedah berpatutan dan tidak membebankan. Selain itu, ia juga dapat mengatasi masalah pinjaman daripada Ah long yang banyak menimbulkan masalah kerana mengenakan kadar bunga yang terlalu tinggi (Azman Hashim, 2013). Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada perkahwinan di lewat usia (Syh Noorul Madihah et al).

Selain itu, hasil dari perkahwinan lambat ini telah menyebabkan kemerosotan dalam kadar fertiliti secara keseluruhan. Merujuk kepada hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2004, umur min perkahwinan pertama rakyat Melayu semenanjung Malaysia bagi golongan lelaki adalah 28.8, manakala bagi perempuan pula adalah 24.1 tahun (Laman Sesawang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013). Bagi kaum lelaki, statistik ini adalah satu peningkatan jika dibandingkan dengan umur min perkahwinan pertama pada tahun 2000, di mana umur minnya adalah 27.9 (Laman Sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Umur pada saat perkahwinan pertama memiliki peranan penting dalam menentukan corak fertiliti di sebuah Negara (Hajnal, 1953). Jelas di sini, melambatkan kelahiran anak merendahkan kadar pertumbuhan penduduk. Isu lambat berkahwin dan kemerosotan fertiliti disumbangkan oleh faktor-faktor seperti tahap pendidikan penduduk yang lebih tinggi, peningkatan dalam penglibatan wanita ke dalam tenaga kerja, peningkatan kadar urbanisasi, dan pembaikan dalam taraf hidup (Lamanna, M dan Riedmann, A, 2006).

Berdasarkan statistik pada 2010, rakyat Malaysia telah mencecah seramai 28.3 juta dan jika dilihat dari aspek kesuburan, purata seorang wanita di Negara ini hanya dapat melahirkan sekadar 2.0 dan 2.2 orang anak sahaja. Walaupun begitu masih terdapat individu yang melahirkan seramai lapan orang anak dan sebahagian yang tidak mempunyai anak, purata untuk seseorang memiliki anak tetap di antara 2 orang sahaja. Menurut Pengerusi Pembangunan Sosial IKRAM & Naib Wanita IKRAM, melihat kepada keadaan itu Negara kita sebenarnya sudah sampai di tahap yang agak membimbangkan. Hal ini kerana jika turun daripada dua purata setiap seorang seperti negara Singapura, kita akan menghadapi masalah populasi yang akan memberi kesan buruk kepada kemajuan Negara kita.

Seterusnya, fenomena kahwin lambat ini boleh menyumbang kepada gejala sosial seperti zina. Statistik menunjukkan dari tahun 2007 hingga 2009 terdapat 17,303 anak tidak sah taraf berbangsa Melayu didaftarkan di negara ini. Hal ini jika dibiarkan berterusan ianya akan memberi kesan buruk kepada rakyat sekaligus akan meruntuhkan kemajuan Negara.

Di Malaysia, terdapat banyak institusi perbankan berlesen iaitu 27 buah bank perdagangan dan 16 buah bank Islam (Laman Rasmi Bank Negara Malaysia). Dengan adanya banyak institusi perbankan, secara tidak langsung wujudnya persaingan di antara bank-bank untuk menarik sebanyak mungkin keuntungan dari

pelanggan. Oleh itu, pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh pihak bank bagi menarik pelanggan untuk melangani produk atau perkhidmatan yang disediakan (Anitha Rosland, 2013).

Seperti mana-mana kontrak yang lain, kontrak Ijarah telah memenuhi semua syarat-syarat kontrak yang sah yang ditetapkan oleh Syariah. Ijarah telah muncul sebagai kontrak pembiayaan popular di kalangan Institusi Kewangan Islam bagi banyak produk kewangan mereka seperti pembiayaan hartanah, pembiayaan kenderaan, pembiayaan projek, pembiayaan peribadi dan produk berstruktur (Nurfarhana Mohd Daud 2013). Namun, kontrak ijarah khususnya untuk produk pembiayaan perkahwinan masih belum dilakukan oleh bank-bank Islam di Malaysia.

Terdapat beberapa bantuan yang telah diutarakan bagi membantu pasangan umat Islam yang ingin berkahwin. Bantuan ini adalah untuk mengurangkan bebanan perbelanjaan yang tinggi dek mengikut arus permodenan generasi kini. Terbaru, sebanyak 10 pasangan pengantin diraikan dalam Majlis Walimah Jamaie Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) Kajang anjuran Jawatankuasa Baitul Muslim (JKBM) Pertubuhan Ikram Malaysia Daerah Kajang dengan sokongan Ikram Negeri Selangor pada 1 September 2013. Yang Dipertua Pertubuhan Ikram Kajang, Prof. Ir. Dr. Nasharuddin Mustapha berkata, majlis perkahwinan beramai-ramai itu diadakan bertujuan meringankan beban ahli Ikram yang ingin mendirikan rumah tangga (Utusan Malaysia, 2013).

Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI) juga telah menyediakan pembiayaan untuk perkahwinan yang dinamakan Skim Mawaddah. Walau bagaimanapun, pembiayaan yang diberikan itu hanya untuk anggota KBI sahaja. Selain itu, pembiayaan itu menggunakan mekanisme bai al-inah dimana seperti yang diketahui mekanisme ini tidak lagi diterima pakai dalam kalangan pengguna Malaysia rentetan daripada pelbagai isu syariah yang timbul.

Walaupun terdapat kemudahan disediakan untuk membantu bakal pengantin namun kebanyakkan pembiayaan adalah dalam bentuk pembiayaan kewangan dan disediakan hanya untuk golongan tertentu contohnya seperti ahli persatuan sahaja. Selain itu, perkahwinan yang diadakan beramai-ramai pula dikatakan kurang privasi. Hal ini disebabkan tetamu yang dijemput untuk hadir dihadkan bilangannya dengan hanya menjemput kenalan serta keluarga yang rapat.

Umum mengetahui, pembiayaan kebiasaannya berbentuk pinjaman peribadi dimana kosnya adalah tinggi. Satu kaedah pembiayaan lain yang berasaskan perkhidmatan yang mana kosnya dijangkakan lebih rendah belum pernah ditawarkan. Sehubungan dengan itu kajian untuk membentuk satu produk pembiayaan perkahwinan yang berasaskan perkhidmatan perlu dilakukan. Tambahan pula, penulis melihat banyak kelemahan dan kekurangan perlu dibaiki untuk sama-sama membantu meringankan beban pasangan yang ingin berkahwin sekaligus dapat menjimatkan perbelanjaan dan memastikan permulaan perkahwinan yang bakal didirikan oleh bakal pengantin berlandaskan Syariah. Oleh yang demikian maka kertas kerja ini akan cuba memikirkan satu produk baru

yang lebih ‘friendly’ dalam bentuk pembiayaan perkahwinan berasaskan perkhidmatan.

METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini adalah satu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan dan kajian perpustakaan sebagai metod utama untuk mengumpulkan maklumat asas berkenaan kontrak *ijarah al-khadamat*. Kemudian, hasil analisis kandungan dan kajian perpustakaan akan diolah secara berstruktur dan mendalam agar ianya membentuk rangka asas sewa perkhidmatan Skim Zawaj yang dibangunkan. Satu mekanisme juga dirangka bagi menggambarkan bagaimana produk ini akan diaplikasi dalam Institusi Kewangan Islam terutama di Malaysia. Mekanisme ini akan disertakan dengan kronologi yang lengkap agar produk Skim Zawaj dapat difahami dengan mudah dan menyeluruh. Selain itu, kertas kerja ini juga menggunakan metodologi *Guidelines on Introduction of New Products* yang telah ditetapkan oleh BNM disamping menggunakan kaedah istinbat hukum Shariah berdasarkan ilmu usul fiqh dan *qawa'id fiqhiyyah* bagi memastikan produk yang baru dibangunkan ini berstatus patuh Shariah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

SKIM ZAWAJ

Skim yang dicadangkan adalah skim zawaj iaitu satu produk baru yang diperkenalkan untuk membantu golongan muda yang ingin berkahwin buat kali pertama dengan memberi khidmat perundingan dan pembiayaan dari segi *catering*, pelamin dan kanopi. Produk ini dibentuk berasaskan kontrak *ijarah* yang mana bayaran khidmat dikenakan berdasarkan perkhidmatan.


IJARAH AL-KHADAMAT

Sejak zaman pra-Islam, konsep *al-ijarah* telah wujud dalam masyarakat Arab. Hal ini boleh dilihat apabila Nabi Muhammad s.a.w telah dibesarkan oleh ibu susuannya Halimah al-Sa'diyyah sejak lahir lagi. Selain itu, baginda juga pernah bekerja dengan mengambil upah memelihara kambing orang Mekah semasa remaja. Konsep *al-ijarah* telah menjadi sebahagian dari cabang muamalat yang penting dalam membangunkan kehidupan ekonomi dan merupakan salah satu cara memenuhi keperluan hidup manusia terutama selepas kedatangan Islam. Konsep ini kemudiannya semakin hari semakin berkembang mengikut perubahan masa dan tempat. Sehingga kini ianya dianggap sebagai satu jalan alternatif untuk mengisi kehendak dan keperluan semasa, bukan hanya bagi golongan miskin bahkan bagi golongan kaya.

Menurut Sa'di Abu Jayb (1993) perkataan *al-ijarah* adalah kata nama bagi al-ujrah. Menurut Ibn Manzur (1994) pula ia berasal dari perkataan al-ajr yang bermaksud balasan atau ganjaran ke atas sesuatu pekerjaan. Selain dari makna al-ujrah, Majallah al-Ahkam mengatakan perkataan *al-ijarah* juga digunakan dengan makna *ijar* iaitu perbuatan menyewa sesuatu atau mengupah seseorang. Penggunaan perkataan *al-ijarah* dengan makna *ijar* itu adalah secara al-majazi (Haydar, 1991).

Pengertian *al-ijarah* dari sudut istilah tidak jauh bezanya dengan pengertian dari sudut bahasa. Pengertian *al-ijarah* yang diberikan oleh mazhab-mazhab fiqh berbeza dari segi lafaz tetapi sama dari segi makna ('Abd al-Wahhab Ibrahim Abu Sulayman, 1992). Menurut Al-Jurjani (1988) *al-ijarah* adalah suatu kontrak pertukaran antara suatu manfaat dengan ganjaran atau bayaran tertentu. Fuqaha Hanafi mentakrifkan *al-ijarah* sebagai kontrak ke atas sesuatu manfaat dengan suatu tukaran (Nizam, 2000). Di antara mereka ada yang mentakrifkan *al-ijarah* sebagai pemilikan sesuatu manfaat dengan suatu tukaran (Ibn 'Abidin, 1992). Selain dari itu, menurut 'Abd Allah (1989) ada fuqaha yang mentakrifkan *al-ijarah* sebagai jual beli manfaat. Al-Khadamat pula bermaksud perkhidmatan.

Mekanisme



Rajah 1: Modus Operandi Khidmat Lil Zawaj

Berdasarkan Rajah 1, terdapat 3 pihak juga yang akan terlibat di dalam aplikasi produk sewa perkhidmatan (*ijarah al-khadamat*) Skim Zawaj ini iaitu pelanggan,

Bank dan Wedding Planner. Pelanggan yang tidak mempunyai simpanan akan memohon Wedding Planner untuk membantu menyediakan perkhidmatan perkahwinan secara menyeluruh tanpa perlu menggunakan wang dari pelanggan (1). Wedding Planner bersetuju mewakili pihak pelanggan untuk memohon pembiayaan dari pihak Bank (2). Segala kos resepsi iaitu dari segi catering, canopy dan pelamin akan dibayar dahulu oleh Bank kepada Wedding Planner (3). Wedding Planner akan berbincang dengan pelanggan dalam menentukan pilihan yang ingin dipilih (4). Pihak Bank akan mengeluarkan borang persetujuan dengan pihak pelanggan dengan mengatakan bahawa pihak Bank akan membayar dahulu kos perbelanjaan kepada Wedding Planner. Bank juga akan mengenakan caj perkhidmatan sebanyak 5 % kepada pelanggan (5). Akhir sekali, pelanggan akan membayar kepada Bank setiap bulan mengikut persetujuan terma dan syarat (6).

Jadual 1: Ciri-Ciri Produk Skim Zawaj

PAKEJ	1
Kontrak	Khidmat Lil Zawaj
Jenis Akaun	Sewa Perkhidmatan
Simpanan Minimum Ketika Membuka Akaun	Tiada Pembukaan Akaun
Baki Minimum	-
Tempoh	Segera
Syarat Umur	18 Tahun Dan Ke Atas
Kelayakan	Warganegara Bekerja Gaji Melebihi RM 2000
PSR (Bank : Pelanggan)	0 : 100

Berdasarkan Jadual 1 menerangkan Produk Skim Zawaj secara terperinci yang menggunakan mekanisme *ijarah al-khadamat* atau juga dipanggil khidmat lil zawaj yang berbentuk sewa dari segi perkhidmatan yang ditawarkan. Skim ini tidak mempunyai sebarang akaun yang perlu dibuka. Pelanggan yang ingin memohon terutama bakal pengantin boleh memohon segera perkhidmatan ini. Hal ini disebabkan Skim Zawaj ini tidak mempunyai sebarang tempoh permohonan kecuali tempoh pembayaran semula mengikut syarat yang telah ditetapkan. Skim ini boleh dimohon oleh semua warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas yang telah berkerja dan mempunyai gaji melebihi RM 2000. Hal ini agar pihak Bank yakin untuk membantu menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan yang mempunyai sumber pendapatan.

KELEBIHAN SKIM ZAWAJ

Pembentukan produk baru Skim Zawaj ini mempunyai banyak kelebihan kepada masyarakat khususnya dapat membantu meringankan beban mereka dalam mendirikan rumah tangga. Selain itu, Skim Zawaj ini dapat membantu mengatasi masalah kahwin lewat dalam kalangan remaja dengan memohon bantuan dari pihak Bank dalam mendahului bayaran untuk majlis resepsi. Hal ini secara tidak langsung dapat meringankan beban kepada bakal pengantin yang tidak mempunyai sebarang simpanan sekaligus membantu mempermudah segala urusan majlis perkahwinan tersebut. Tambahan lagi, majlis perkahwinan yang disediakan oleh Wedding Planner di bawah pantauan Bank ini berkonsepkan sederhana dan berlandaskan Syariah. Maka, segala bentuk pembaziran dan unsur-unsur jahiliah tidak dibenarkan di dalam majlis perkahwinan tersebut. Di samping itu juga, Skim Zawaj ini secara tidak langsung dapat meramaikan umat Nabi Muhammad s.a.w.

SKIM ZAWAJ DARI PERSPEKTIF SHARIAH

Berdasarkan mekanisme yang dikemukakan, produk ini mempunyai persamaan yang rapat dengan sewa (*ijarah*) yang lain melainkan yang membezakannya adalah Skim Zawaj ini dikhususkan untuk tujuan perkahwinan. Oleh itu, pandangan awal mengenai Skim Zawaj ini adalah menepati kriteria umum yang diperlukan oleh BNM dalam menghasilkan produk patuh syariah. BNM telah menetapkan bahawa produk baru yang mematuhi syariah mesti memenuhi syarat-syarat tertentu antaranya adalah apa yang mendasari kontrak syariah, struktur dan produk ini haruslah sama dengan ciri-ciri produk lain yang sebelumnya yang telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS). Selain itu, produk tersebut juga mestilah selaras dengan Resolusi MPS (BNM / RH GL 008 – 03:2009). Bagi memastikan keabsahan status patuh syariah Skim Zawaj ini, maka kertas kerja akan menjelaskan dalil pensyariaan yang membenarkan produk ini dijalankan.

Setiap kaedah fiqhiyyah memerlukan dalil usul fiqh sebagai bukti. Maka kaedah fiqhiyyah yang digunakan bagi keharusan produk Skim Zawaj adalah berdasarkan dalil usul fiqh yang terdiri daripada Al-Quran, As-Sunnah, Al-Qias, Istihsan dan Masolih Mursalah. Jika diteliti tiada satu nas dalil pun yang mengharuskan *ijarah al-khadamat* secara khusus. Namun begitu, terdapat beberapa nas yang menerangkan keharusan bermuamalat secara umum. Firman Allah s.w.t :

“Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”

(Al-Baqarah : 275)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah menghalalkan urusan jual beli selagi mana ianya tidak termasuk di dalam transaksi riba. Dengan kata lain, Islam menghalalkan segala urusan jual beli selagi tidak bercampur dengan perkara yang haram. Walau bagaimanapun, penulis tidak memanjangkan dalil dan perbincangan fuqaha didalam kertas kerja ini kerana perbincangan yang berlaku amat panjang dan mendalam. Namun begitu, perlu difahami bahawa secara khususnya kontrak *ijarah al-khadamat* adalah diharuskan oleh syarak. Oleh itu, kita bebas untuk berpegang kepada mana-mana pandangan dengan mengetahui apakah perbincangan dan dalil-dalil yang dikemukakan oleh para fuqaha.

RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kesimpulannya, Skim Zawaj ini dibentuk berdasarkan asas-asas prinsip dan hukum yang jelas. Konsep dan akad yang digunapakai juga adalah jelas sepertimana yang dikemukakan. Oleh itu, Skim Zawaj adalah harus selagi mana tiada unsur-unsur haram bercampur bersamanya. Penerapan kaedah pembinaan produk baru daripada garis panduan BNM menjadikan produk ini relevan dan sesuai diaplikasikan oleh Institusi Kewangan Islam di Malaysia. Mekanisme yang dibentuk juga telah menunjukkan produk ini mampu membantu golongan muda yang ingin berkahwin sekaligus mengangkat produk baru ini untuk ditawarkan. Selain itu juga, Skim Zawaj ini dilihat amat sesuai diaplikasi oleh badan-badan bantuan kerajaan dan bukan kerajaan yang lain seperti Jabatan Agama Islam Negeri dan Yayasan-Yayasan Kebajikan. Skim Zawaj juga adalah harus disisi syarak dan sangat menepati kehendak dan maqasid Syariah. Implikasi penting kajian adalah Skim Zawaj dilihat sangat membantu golongan muda untuk melaksanakan salah satu ibadat yang dituntut dalam Islam. Akhir sekali, dicadangkan kepada pasangan yang tidak mempunyai sebarang akaun simpanan dan yang tidak ingin membuat pinjaman agar berpuasa berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w yang ertinya : “Diriwayatkan dari Abdullah bin Mas’ud katanya, Rasulullah s.a.w bersabda kepada kamu : Wahai kumpulan anak-anak muda! Barangsiapa di antara kamu yang mampu berkahwin hendaklah berkahwin kerana sesungguhnya perkahwinan itu menutup pandangan dan memelihara kemaluan. Tetapi barangsiapa yang tidak mampu maka hendaklah dia berpuasa sebab yang demikian itu akan menahan nafsunya”. Hal ini kerana dengan berpuasa itu dapat mengekang nafsu syahwat.

BIOATA PENULIS

Nurul Athirah Binti Mohd Azmi memperoleh Ijazah Sarjana Ekonomi Islam (Perbankan Islam) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Ekonomi Dan Perbankan Islam) Dengan Kepujian dari Universiti Yarmouk. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Fakulti Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka.

Sanep Bin Ahmad memperoleh Ijazah PhD dalam bidang ekonomi dari International Islamic University, Islamabad Pakistan, Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Manchester England dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya. Kini beliau sedang berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- ‘Abd Allah b. Mahmud. (1989). *al-Ikhtiyar li Ta’lil al-Mukhtar*, Dar al-Fikr al-‘Arabi, j.1, h.50.
- Abdul Aziz Jemain. (2001). *Modal Umur Berkahwin Pertama di Semenanjung Malaysia*.
- Abdul Mumin Ab Ghani dan Mohd Sabri Abdul Ghaffar. (2006), *Manfaat al-ijarah Menurut Perspektif Fiqh Empat Mazhab*, Jurnal Fiqh.
- Al-Asqalani, Ahmad Ibn Ali Ibn Hajr. (2001). *Fath al-Bari bi al-Sharh Sahih al-Bukhari*, Jld. 1, 6 & 9, Qaherah: Maktabah Misr.
- Al-Jurjani. (1988). *al-Mawsu’ah al-‘Arabiyyah al-Muyassarah wa al-Muwassa’ah*, Beirut, h.10
- Al-Majallah. (1991). *op.cit.*, Perkara 405, j.1, h.441.
- Anitha Rosland. (2013). *Produk Simpanan Berasaskan Ganjaran: Kajian Kes Di Bank Islam Malaysia Berhad (Bimb) Dan Bank Simpanan Nasional (Bsn)*, Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 7, ms. 71-82.
- BNM / RH GL 008 – 03 .(2009). *Guidelines On Introduction Of New Products*. Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia. 18 Mei 2009.
- Fatimah Abdullah. (2009). *Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan : Upacara Perkahwinan Melayu Bandar*.
- Hajnal. (1953). *Age at marriage and proportions marrying*. Population Studies.
- Halimah Abdul Rahman. (2010). *Pegangan Adat Turun Temurun*, Kuala Lumpur: Penerbit Sinar Cemerlang
- Haslina Hassan dan Ann Wan Seng. (1995). *Wanita dan Perkahwinan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haydar. (1991). *op.cit.*, j.1, h.4
- Ibn ‘Abidin. (1992). *Tabyin al-Haqa’iq*, Beirut, j.6, h.4.
- Ibn Manzur. (1994). *Taj al-‘Arus*. j.4, h.10
- Iman Ahmad. (2010). *Adat Budaya*, Kuala Lumpur
- Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI)
<http://www.kbi.com.my/skimmawaddah.asp?task=pinjaman>
- Kosmo. (2013). 11 Ogos 2013
- Laman Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, artikel “Pengantin Dibelenggu Hutang”, dicapai pada 10 Mac 2013,
<http://www.akpk.org.my/happenings/news/press-release/id/486/>
- Laman Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai pada 13 Mac 2013,
http://www.statistics.gov.my/portal/download_Labour/files?BPTMS/PST-Siri6.pdf.
- Laman Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dicapai pada 13 Mac 2013,
<http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/95f9e1b3-24bb-4cce-af4b-da9bf8317f2e>.

- Lamanna, M & Riedmann, A . (2006). *Marriage and Families: Making Choices In A Diverse Society*. Thomson Wadsworth. USA.
- Nizam. (2000). *al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*, Beirut, j.4, h.459.
- Nurfarhana Bte. Mohd. Daud. (2013). *Kadar Sewaan Dalam Instrumen Pembiayaan Bagi Kontrak Ijarah Di Perbankan Islam*, Prosiding Perkem Viii, Jilid 1 (2013) 20 – 27
- Sa'di Abu Jayb. (1993). *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Dimsyq: Dar al-Fikr, h. 13
- Syed Abdul Razak B. Sayed Mahadi. *Perubahan Struktur Umur Penduduk : Impak Dan Cabaran Kepada Pembangunan Negara*.
- Syed Mahadzir. (2009). *Adat Resam dan Makanan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur
- Syh Noorul Madidah Binti Syed Husin. (2013). *Konsep Al-Taysir Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Sebagai Mekanisme Penyelesaian Trend Belanja Kahwin Masa Kini Utusan Malaysia* (2014). 26 Jun 2014
- Zainunnisaa Abdul Rahman. (2007). "Mahar in Malaysia: The Law Revisited" dalam *Shariah Law Reports*, October-December 2007. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd